



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

SUMBANGAN KEPADA 76 KELUARGA MANGSA BANJIR KILAT WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 14 November 2020 – Keseluruhan sumbangan wang tunai kepada 76 keluarga mangsa banjir kilat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terjejas pada September 2020 lalu adalah merupakan sumbangan peribadi daripada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah. Ini termasuk sumbangan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sebanyak RM189,200.

Majoriti mangsa-mangsa banjir ini adalah mereka yang tergolong dalam kategori miskin yang bukan sahaja terkesan akibat pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tetapi turut kehilangan pekerjaan ekoran penularan pandemik COVID-19. Ditambah pula dengan musibah banjir kilat ini, mereka terpaksa menanggung kos kerugian akibat kerosakan dan kemusnahan harta benda termasuk perabot, barangan kelengkapan rumah serta peribadi. Mangsa-mangsa yang terdiri daripada 18 orang warga emas, 238 dewasa, 65 orang kanak-kanak dan enam (6) bayi turut dipindahkan semasa kejadian tersebut ke Pusat Pemindahan Banjir di Kelab Sultan Sulaiman yang diuruskan secara bersama oleh DBKL serta Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kebanyakan penduduk yang menjadi mangsa banjir kilat adalah mereka yang tinggal di sekitar Jalan Raja Bot, Jalan Raja Alang, Jalan Raja Mahadi, Jalan Raja Muda Musa dan Kampung Periuk, Kampong Bharu.

Demi kesejahteraan rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan, pihak kerajaan dengan segera melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengatasi masalah banjir kilat yang kerap berlaku apabila hujan lebat tanpa henti. KWP, DBKL serta Jabatan Pengaliran dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPS WPKL) sedang melaksanakan projek-projek tebatan banjir kolam takungan air di dalam kawasan Taman Botani Kuala Lumpur yang melibatkan peruntukan hampir RM150 juta dan mempertingkatkan sistem perparitan utama sekitar Kuala Lumpur.

Kerja-kerja membesarkan dan mendalamkan 16 kolam takungan banjir sedia ada di Kuala Lumpur sedang giat dilaksanakan. Kawasan kolam, lombong atau tasik yang sesuai untuk dijadikan sebagai kolam takungan banjir juga sedang dikenalpasti sebagai tambahan kepada yang sedia ada. DBKL juga akan mensyaratkan setiap pemaju perumahan baharu untuk wajib menyediakan kolam takungan banjir di dalam kawasan pembinaan perumahan yang dibangunkan. Walaupun keperluan ini memerlukan kos yang tinggi namun ianya perlu dilaksanakan demi kepentingan rakyat. Kerja-kerja

pembersihan parit dan longkang dilaksanakan dengan lebih kerap oleh DBKL sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sekali.

DBKL juga dalam perancangan membangunkan sistem amaran banjir yang diintegrasikan bersama Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu atau ITIS bagi mewujudkan Sistem Amaran Awal Banjir (*Flood Early Warning System*). Sistem itu diwujudkan bagi memberikan amaran awal kepada penduduk yang tinggal di kawasan yang berisiko tinggi dan dapat membantu penduduk supaya dapat bertindak lebih awal untuk menyelamatkan diri serta barangan penting sekiranya berlaku banjir kilat. Melalui sistem ini para pengguna jalan raya boleh mengelak daripada menggunakan laluan yang sudah ditenggelami air demi keselamatan mereka.

Pihak JPS WPKL sedang membangunkan Kuala Lumpur *Flood Mitigation Operation Center* yang beroperasi 24 jam untuk mengawal banjir kilat di Kuala Lumpur. Tujuh (7) projek kolam takungan banjir di Sungai Bunus, Kuala Lumpur sedang dilaksanakan dan lima (5) daripadanya telah siap. Manakala, satu (1) lencongan baharu yang boleh melencongkan air dari Sungai Bunus ke Sungai Klang dan satu (1) kolam takungan banjir di PULAPOL Jalan Semarak, Kuala Lumpur yang boleh memuatkan 109,000 isi padu meter³ juga sedang disiapkan. JPS WPKL juga mewartakan semua lokasi takungan air dan rezab sungai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi memastikan kawasan-kawasan tersebut tidak diberikan kepada mana-mana pemaju untuk dibangunkan pada masa akan datang.

Kerajaan terus komited membantu golongan miskin termasuk mereka yang terkesan akibat COVID-19 melalui Inisiatif Wilayah Prihatin dan Inisiatif Wilayah Cakna bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat di Wilayah Persekutuan sentiasa diberi keutamaan.

YB Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan

MAKLUMAT TAMBAHAN

PENERIMA MENGIKUT KATEGORI DAN JUMLAH PERUNTUKAN

BIL	ORGANISASI	ISI RUMAH BERKELUARGA	BUJANG
1.	ISTANA NEGARA	RM 1000	RM 1000
2.	NADMA	RM500	RM500
3.	KWP	RM300	RM300
4.	DBKL	RM500	RM300
5.	YWP	RM200	RM200
JUMLAH		RM2,500	RM2,300

PERUNTUKAN BANTUAN MENGIKUT ORGANISASI

BIL	KATEGORI PENERIMA	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	ISI RUMAH BERKELUARGA	72	RM180,000.00
2.	BUJANG	4	RM 9,200.00
JUMLAH		76	RM189,200.00